




Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)

Upacara pecah tanah kampus tetap merupakan satu detik yang amat bersejarah kepada Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) dan juga kepada negeri Perlis. Ia merupakan upacara simbolik kepada bermulanya pembinaan sebuah menara gading yang menjadi impian semua terutamanya rakyat negeri Perlis. Upacara yang penuh gilang-gemilang ini disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri dan diadakan di Tapak Kampus Tetap KUKUM, Ulu Pauh, Arau, Perlis.

Antara tetamu kehormat yang menghadiri Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap KUKUM ialah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan dan Yang Berbahagia Dato' Ramli Abbas selaku Pengerusi Lembaga Pengarah KUKUM. Dianggarkan seramai 15,000 tetamu turut hadir ke upacara tersebut yang terdiri dari pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai tertinggi Kementerian Pendidikan, pemimpin-pemimpin masyarakat, ketua-ketua jabatan, kakitangan awam, pelajar-pelajar IPTA dan sekolah serta ramai lagi.

Pada 2 Jun 2003 (Isnin) 9.30 Pagi

Oleh : Mustaffa Ismail




Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM)



Upacara dimulakan dengan perarakan bunga manggar dan hadrah mengiringi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan tetamu kehormat menuju ke pentas utama. Perarakan ini diiringi oleh persembahan silat dan tarian kebudayaan. Antara tetamu kehormat yang turut berucap pada upacara tersebut ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan selain dari ucapan perasmian oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Gimik upacara pecah tanah dimulakan dengan Yang Amat Berhormat menekan butang perasmian. Selepas menandatangani plak perasmian, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turut melepaskan beberapa ekor burung sebagai tanda simbolik kelahiran sebuah Kampus Alam. Pembebasan burung juga melambangkan kebebasan dan keharmonian sejagat.



Bersempena upacara ini juga diadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUKUM dengan pihak industri dan universiti yang turut disaksikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan para tetamu yang lain. Memorandum persefahaman ini bertujuan mewujudkan kerjasama dua hala antara KUKUM dengan pihak terbabit terutamanya dalam bidang penyelidikan. Sebanyak 18 buah organisasi dari industri dan universiti yang terlibat dalam kerjasama ini antaranya ialah, CELCOM, SILTERA, ALTERA, CIMA, ACM, MODENAS, METRALINE, KHTP, VOLT AMPERE, TNB, USM, UTM, Najwa Maju, ON Semiconductor, Sun Microsystem, TTPC, ASTRONAUTIC dan juga sebuah universiti dari Jepun iaitu Universiti OITA.

Para tetamu yang hadir juga diperdengarkan dengan lagu 'WAWASANKU' yang menjadi lagu rasmi KUKUM oleh kumpulan koir yang terdiri dari seramai 50 orang kakitangan KUKUM sendiri. Lagu 'WAWASANKU' ini telah digubah oleh seorang penerbit lagu yang terkenal iaitu Fauzi Marzuki, manakala liriknya pula ditulis oleh Prof. Madya Dr. Ismail Abdullah, Pengarah Kebudayaan Dewan Budaya USM. Di samping itu, semua tetamu yang hadir juga diberikan cenderahati dari pihak KUKUM sebagai tanda kenang-kenangan.

Menurut Rektor KUKUM, Prof. Dr. Kamarudin Hussin, tapak kampus tetap di Ulu Pauh ini adalah seluas 1,058 ekar di mana sebanyak 10

buah Pusat Pengajian / Pusat Akademik, serta 2 buah Pusat Kecemerlangan akan dibina. Di samping itu zon gunasama dan kolej kediaman pelajar juga akan dibina. Sasaran kemasukan pelajar pada tahun 2006 adalah seramai 5,600 orang dan untuk jangka masa 10 tahun KUKUM akan mempunyai bilangan pelajar seramai 10,000 orang.

Menurut Prof. Dr. Kamarudin lagi tapak di Sungai Chuchuh yang masih dalam perancangan akan menempatkan Pusat Pengajian Bio/Agro-Related Engineering bersama zon gunasama dan kolej kediaman. Tapak yang mempunyai keluasan 300 ekar ini terletak lebih kurang 8 km dari Padang Besar.

Perunding Pengurusan Projek (PMC) yang dilantik ialah Crimson Network Sdn Bhd manakala kontraktor utama ialah Konsortium Pauh Indah (KPI) yang mana mereka bertanggung jawab untuk memastikan kelincinan pembinaan Kampus Tetap KUKUM ini.

Pihak Rektor dan seluruh warga KUKUM juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Kerajaan Negeri Perlis, jabatan-jabatan Kerajaan, sekolah-sekolah, pihak media dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Upacara Pecah Tanah Kampus Tetap Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia ini.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri turut melepaskan beberapa ekor burung sebagai tanda simbolik kelahiran sebuah Kampus Alam. Pembebasan burung juga melambangkan kebebasan dan keharmonian sejagat.

